

Sebab Perceraian di Malaya

(Oleh: Abdullah bin Haji Noh)

Kolej Islam Malaya, Klang.

Memandang kepada betapa banyaknya berlaku perceraian di Malaya ini maka ini saya cuba membuat satu kajian untuk mengkaji sebab-sebab berlakunya perceraian itu, kerana dengan berlakunya perceraian itu akan membawa beberapa keburukan terutama sekali bagi mereka yang sudah mempunyai anak. Anak itu kelak akan hidup merana; jauh sekali untuk mencapai kebahagiaan hidup. Betapa pahit dan maung hidup anak-anak itu dengan menduakan ibu dan menduakan bapa. Di samping itu dengan banyaknya berlaku perceraian juga akan bertambah dengan pesatnya bilangan pelacur, ini adalah satu perkara yang dibenci oleh agama kita. Mengikut angka rasmi Jabatan Agama Persekutuan Tanah Melayu hampir 70 peratus perceraian berlaku setiap tahun dalam Persekutuan Tanah Melayu. Angka ini tak dapat diturunkan lagi.

Sebab-sebab belaku perceraian

Setelah saya kaji dengan halus, maka saya dapati perkara-perkara yang menyebabkan perceraian. Di antara perkara yang besarnya ialah jaminan hidup. Kita tidak harus berkahwin kalau kita tidak mempunyai jaminan hidup. Kerana hidup kita perlukan wang untuk menyarainya. Kebanyakan orang kehidupannya belum lagi terjamin

sudah mahu berumah tangga, lantaran itu mungkin perceraian akan berlaku di suatu hari kelak. Kita tidak boleh hidup bergantung kepada orang lain malah kita mesti berdiri di atas tapak kaki sendiri.

Satu perkara yang besar lagi ialah kasih sayang. Suami isteri tidak akan berbahagia kalau tidak ada kasih sayang di antara mereka, pertelingkahan yang akan membawa perceraian sering berlaku kalau tidak ada sifat kasih sayang. Sebaliknya rumah tangga akan menjadi sebuah mahligai yang aman damai kalau sifat ini ada di antara mereka serta disulami pula dengan sefahaman saling mengerti di antara satu sama lain.

Di antara sebab-sebab yang lain lagi ialah:-

1 - Campur tangan orang tua (mertua): dengan ini juga perceraian sering berlaku kerana orang tua suka mengambil tahu hal rumah tangga mereka, orang tua harus memberi pertunjuk yang baik sahaja supaya rumah tangga yang mereka dirikan itu akan bertambah berseri lagi aman dan jangan pula orang tua campur tangan serta mengambil tahu segala hal ehwal dalam rumah tangga anaknya itu. Oleh itu jauhilah dari sekedudukan dengan orang tua untuk menghindarkan berlakunya perkara yang tak diinginkan itu.

2 - Lain didikan – soal didikan ini

juga amat penting dalam masyarakat. Di Malaya ini kanak-kanak banyak mendapat didikan yang berlainan, seperti didikan agama. Jadi kalau disatukan dua didikan yang besar ini sudah tentu tidak akan sesuai kerana aliran berfikir antara satu sama lain adalah berlainan.

3 - Kahwin paksa – ini banyak kita dapati

di kalangan masyarakat kita. Kebanyakan mereka lebih mengutamakan pangkat atau wang ringgit. Kahwin semacam ini tentu tidak akan dapat titik persesuaian dalam kehidupan mereka walau wang ringgit bertimbun-timbun sekalipun. Apa guna wang ringgit yang banyak kalau persesuaian tidak ada. Kebanyakan perkahwinan semacam ini diakhiri dengan perceraian.

4 - Poligami (berkahwin lebih dari satu) –

poligami adalah satu perkara yang tak diinginkan oleh kaum wanita. Kerana tabiat kaum wanita ingin memiliki sesuatu berseorangan sahaja. Dia mahu suaminya menumpukan kasih sayang kepadanya sahaja dan tidak mahu kasih sayang suaminya itu berbelah bahagi. Sungguhpun poligami itu diharuskan oleh agama kita tetapi apalah guna mencari keharusan Tuhan sehingga angka perceraian makin meningkat.

5 - Ekonomi orang Melayu amat rendah –

sungguhpun mereka mampu berkahwin dengan mendapat sara hidup yang tertentu tetapi mereka akan menempuh kepahitan hidup, setelah tanggungan mereka bertambah dari setahun ke setahun. Dengan lahirnya anak-anak mereka yang bakal menjadi pemuda harapan bangsa dan pemudi

tiang negara itu menyebabkan bebanan mereka akan bertambah lantaran ini sering juga perceraian berlaku.

6 - Tak ada perasaan hormat-menghormati – kalau

perasaan saling hormat-menghormati tidak ada di hati suami isteri nescaya akan membawa porak-peranda juga. Sungguh pun perkahwinan mereka itu mendapat persesuaian di hati masing-masing, namun perceraian tetap akan timbul sekiranya kedua belah pihak tidak mempunyai perasaan saling hormat-menghormati.

7 - Kahwin berantau – kita dapati banyak

orang-orang kita merantau lebih-lebih lagi kaum lelaki berjalan dari satu tempat ke satu tempat sama ada dalam melaksanakan tugasnya atau sebagainya. Mereka ini sering berkahwin di mana tempat mereka tinggal agak lama sedikit dan apabila mereka ditukar ke tempat lain atau tugasnya sudah selesai mahu tak mahu terpaksa mereka meninggalkan tempat itu. Kalau si isteri tak mau mengikutinya terpaksa perceraian akan berlaku.

8 - Kahwin dengan askar – Setahu kita

ruginya askar yang tidak mempunyai isteri, kerana dalam askar isteri mendapat bayaran yang tertentu diberi oleh kerajaan mengikut pangkat suaminya. Banyak gadis-gadis lebih-lebih lagi orang-orang tua di kampung ingin memberi anak gadisnya agar mendapat bayaran tersebut. Tetapi selama mana askar akan kekal di dalam jawatannya dan selama manakah anaknya akan menerima bayaran itu? Setelah si suaminya tamat dalam pekerjaan maka ekonomi mereka akan kembali seperti dahulu pula. Tanggungan sudah bertambah lantaran sudah lama berkahwin

tetapi jaminan hidup tidak terjamin lagi.

Kebanyakan mereka pula tidak mengira di masa hadapan iaitu setelah mereka berhenti dari berkhidmat. Kebanyakannya di akhiri dengan perceraian.

9 - Kahwin tuan dengan muda – ada juga

kita dapati anak gadis yang berumur belasan tahun berkahwin dengan orang tua yang umurnya sudah lewat. Ini selalunya berlaku dalam kahwin paksa kerana mengejar sesuatu. Mereka itu tak dapat sefahaman hidup oleh kerana umur di antara mereka berdua amat jauh berbeza. Ini selalu juga membawa perceraian.

10 - Kahwin terlampau muda – tak harus

orang kita berkahwin terlampau muda lebih-lebih lagi bagi kaum lelaki, kerana mereka belum lagi mempunyai pengalaman tentang rumah tangga. Kalaulah pengalaman itu tidak ada nescaya perceraian akan berlaku kerana mereka tidak boleh hidup dalam alam suami isteri lagi lantaran umurnya terlampau muda. Perangai mereka masih lagi berbentuk kebudakan.

11 - Cemburu – sifat ini tak harus ada

bagi kedua belah pihak lebih-lebih lagi bagi pihak kaum wanita, kerana si lelaki terpaksa keluar dari rumah untuk mencari sara hidup dengan membanting tulang dan memeras otak sehari suntuk. Begitu juga harapan bagi kaum lelaki jangan ada sifat ini. Hindarkanlah sifat ini demi untuk kepentingan dan kebahagiaan bersama.

12 - Kahwin tak sekufu – seperti orang kita

kebiasaan berkahwin dengan orang yang keturunan darah Syed, Tengku, Nik, Wan dan sebagainya. Ini sering juga berlaku perceraian, lebih-lebih lagi kalau sebelah pihak wanita yang berketurunan yang tersebut. Kerana mereka selalu bermegah-megah dengan keturunan mereka. Tetapi pada hari ini tidak lagi menjadi soal tentang ini tetapi menjadi peranan yang penting ialah persesuaian. Hilang persesuaian hilang dan runtuhlah perkongsian hidup yang penuh dengan kebahagiaan itu.

13 - Undang-undang nikah kahwin tak ketat –

undang-undang nikah kahwin di Malaya ini boleh dikatakan tidak ketat. Sebab itulah kita dapati angka perceraian tidak turun malah makin meningkat, sungguhpun beberapa langkah telah pun dijalankan di setengah-setengah tempat namun angka peratus itu tidak juga turun. Langkah-langkah itu seperti menaikkan bayaran untuk mengambil surat cerai dan setengah negeri pula terpaksa mengisi beberapa borang dahulu sebelum berkahwin. Kesemuanya ini untuk menghindarkan berlakunya perceraian. Sungguhpun beberapa langkah telah pun dijalankan namun angka itu itu tidak juga kurang selagi undang-undang nikah kahwin tidak diketatkan.

Sebagai penutup, kita sama-sama berseru kepada pihak kerajaan supaya berusaha melaksanakan cara untuk menghindarkan dari berlakunya perceraian di Malaya ini. Dengan itu tidak lagi kita dapati tiap-tiap mahkamah syariah dibanjiri oleh orang yang ingin bercerai.

Sekian, wa *biLlāhi al-Tawfiq*.